

## PP lwn. MOHD HANIFF MOSBAH &amp; SATU LAGI

A

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA

ROHANA YUSUF HMR

ZAKARIA SAM HMR

AHMADI ASNAWI HMR

[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-213-08-2013]

B

4 MAC 2016

**UNDANG-UNDANG JENAYAH:** Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran dadah berbahaya – Methamphetamine seberat 1,689.20g – Dadah dijumpai dalam teksi awam dinaiki ramai penumpang – Sama ada anggapan di bawah s. 37(d) ADB terpakai – Sama ada tertuduh mempunyai milikan eksklusif atas teksi – Sama ada tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan atas dadah – Tingkah laku tertuduh – Sama ada konsisten dengan perlakuan seseorang yang melakukan kesalahan – Keberhampiran dadah dengan kedua-dua tertuduh – Sama ada mencukupi untuk membuktikan niat bersama antara tertuduh di bawah s. 34 Kanun Keseksaan

C

D

**PROSEDUR JENAYAH:** Rayuan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Pengedaran dadah berbahaya – Dadah dijumpai dalam teksi awam dinaiki ramai penumpang – Sama ada anggapan di bawah s. 37(d) ADB terpakai – Sama ada tertuduh mempunyai milikan eksklusif atas teksi – Sama ada tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan atas dadah – Tingkah laku tertuduh – Sama ada konsisten dengan perlakuan seseorang yang melakukan kesalahan – Keberhampiran dadah dengan kedua-dua tertuduh – Sama ada cukup untuk membuktikan niat bersama antara tertuduh di bawah s. 34 Kanun Keseksaan – Sama ada keputusan Mahkamah Tinggi wajar dikekalkan

E

F

**PERKATAAN & ISTILAH:** ‘anything containing whatsoever’ – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37(d) – Sama ada terpakai – Sama ada anggapan boleh mengaitkan tertuduh dengan milikan dan pengetahuan atas dadah yang dijumpai dalam kenderaan awam

G

Kedua-dua responden telah dipertuduh di Mahkamah Tinggi dengan pertuduhan mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 1,689.20g, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. SP6 dan pasukannya membuat pemantauan di Jalan Imbi setelah menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah melibatkan sebuah motor teksi. SP6 melihat teksi tersebut dipandu oleh responden pertama manakala responden kedua pula duduk di tempat duduk belakang. SP6 menahan teksi tersebut dan mengarahkan responden pertama dan kedua keluar. SP6 membacakan kata-kata amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 (‘ADB 1952’) dan bertanya sama ada mereka ada menyimpan barang salah. Kedua-dua responden hanya mendiamkan diri. Seterusnya SP6 membuat pemeriksaan dalam teksi dan menjumpai dua paket plastik lutsinar mengandungi serbuk ketulan kristal berwarna putih disyaki

H

I

- A methamphetamine yang terletak di atas lantai tempat kaki penumpang bahagian belakang sebelah kiri. Kedua-dua responden seterusnya ditangkap dan barang-barang kes dirampas dan dihantar kepada ahli kimia yang mengesahkan bahawa kandungan kedua-dua paket tersebut adalah dadah jenis methamphetamine. Pada akhir kes pendakwaan, hakim bicara
- B mendapati bahawa pihak Pendakwa Raya gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua responden atas alasan-alasan berikut (i) responden-respon-
- C den tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut kerana teksi tersebut adalah kenderaan awam dan barang kes dijumpai di tempat letak kaki belakang di mana dinaiki oleh ramai penumpang;
- (ii) anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952 tidak terpakai kerana teksi awam tidak boleh dianggap sebagai 'anything whatsoever containing';
- (iii) responden-respon-
- D den juga tidak ada milikan dan pengetahuan mengenai dadah tersebut; (iv) kelakuan responden-respon-
- den adalah neutral dan (v) tiada bukti niat bersama antara mereka berdua di bawah s. 34 Kanun Keseksaan ('KK') seperti dipertuduh. Oleh itu, responden-respon-
- E den dilepaskan dan dibebaskan. Tidak berpuas hati, Pendakwa Raya memfailkan rayuan ke mahkamah ini dengan mengunjurkan dua alasan rayuan (i) bahawa perayu membuktikan kedua-dua responden mempunyai milikan dan pengetahuan yang sewajarnya berkenaan dengan dadah yang dijumpai dari dalam teksi tersebut; dan (ii) perayu membuktikan wujud niat bersama antara kedua-dua responden untuk mengedarkan dadah tersebut sebagaimana didefinisikan di bawah s. 34 KK.

**Diputuskan (menolak rayuan)**

**Oleh Ahmadi Asnawi HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

- F (1) Semasa disoal balas, SP6 tidak memantau serta tidak mempunyai pengetahuan dan tidak membuat 'follow up' dari mana sebenarnya teksi itu datang. SP6 juga tidak tahu siapa yang keluar atau masuk ke dalam teksi tersebut. SP6 mengakui tidak tahu daripada mana responden kedua menaiki teksi dan tidak menyiasat tentang kehadiran penumpang-penumpang lain sebelum responden kedua menaiki teksi tersebut.
- G Keterangan juga menunjukkan teksi tersebut bukan dalam milikan, kawalan atau jagaan responden kedua, tetapi milik SP5, bapa responden pertama. Dengan itu responden kedua tidak mempunyai milikan eksklusif atas teksi tersebut. Tiada apa-apa keterangan yang dapat menunjukkan kedua-dua responden mempunyai kawalan atau jagaan atas dadah tersebut. Tambahan pula, maklumat berkenaan pengedaran dadah yang diterima oleh SP6 bersifat umum dan ujian pengesanan cap jari adalah negatif. Tiada nexus antara responden pertama dan responden kedua selain fakta hanya mereka berdua sahaja yang berada dalam teksi tersebut semasa ditahan oleh SP6 dan anggota-anggotanya.
- I (perenggan 19-23)

- (2) Undang-undang adalah mantap bahawa jika terdapat beberapa inferens yang boleh disimpulkan daripada fakta-fakta yang dibuktikan, maka inferens yang memihak kepada responden-resoponden hendaklah diutamakan dan diambil kira, dan responden-responden sewajarnya diberikan faedah keraguan daripada inferens tersebut. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membawa inferens bahawa sesiapa sahaja yang menaiki teksi tersebut boleh meletakkan barang kes dadah tersebut di tempat di mana barang kes tersebut dijumpai oleh SP6. Responden-responden berhak menikmati inferens ini. (perenggan 26) A B
- (3) Tingkah laku kedua-dua responden yang kelihatan terkejut, takut dan gelisah sebelum membuka pintu teksi tersebut adalah sesuatu yang biasa kerana mereka ditengking oleh beberapa orang lelaki berpakaian preman. Ini kerana teksi yang dipandu oleh responden pertama telah diserbu dengan pantas dan dihimpit dengan kereta di bahagian hadapan dan belakang. Keadaan sekeliling seperti ini akan membuatkan sesiapa pun menjadi bingung. Reaksi dan kelakuan kedua-dua responden tidak konsisten dengan reaksi dan perlakuan seseorang yang melakukan kesalahan. Ketiadaan pengetahuan kedua-dua responden dapat disimpulkan daripada fakta bahawa mereka tidak berkata apa-apa atau menunjukkan kepada sesuatu, khususnya dadah tersebut, ketika SP6 menyoal kedua-dua mereka sama ada mereka membawa 'barang salah'. (perenggan 25 & 33) C D E
- (4) Pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa kedua-dua responden mempunyai kawalan atau jagaan atas barang kes dadah tersebut. Seterusnya, tiada keterangan langsung untuk menunjukkan bahawa kedua-dua responden mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dijumpai tersebut. Keterangan yang ada hanyalah dadah tersebut berada dalam teksi yang dinaiki oleh responden kedua yang dipandu oleh responden pertama. Keterangan ini tidak membolehkan pihak pendakwaan menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952 untuk mengaitkan mereka dengan milikan dan pengetahuan atas dadah tersebut kerana teksi awam bukanlah bersifat 'anything containing whatsoever' seperti kehendak seksyen tersebut. (perenggan 28, 29 & 34) F G
- (5) Tiada bukti dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa kedua-dua responden mempunyai niat bersama untuk mengedarkan dadah tersebut selain daripada mereka ditangkap bersama-sama dalam teksi yang sama. Tiada keterangan yang menunjukkan mereka ada hubungan antara satu sama lain atau berhubungan antara satu sama lain sebelum ditangkap atau pada bila-bila masa untuk dijadikan asas atau landasan di atas mana niat bersama boleh dibentuk atau telah dibentuk. Tiada apa-apa keterangan yang mengaitkan responden pertama atau responden kedua atau kedua-dua responden kepada kedua-dua paket lutsinar yang mengandungi dadah tersebut seperti cap jari, DNA atau tinggalan dadah yang sama pada jari, kuku atau pakaian yang mereka pakai. Apa yang H I

- A       dibuktikan oleh pihak pendakwaan hanyalah keberhampiran dadah tersebut dengan kedua-dua responden. Keterangan ini semata-mata tidak cukup untuk membuktikan niat bersama kedua-dua responden dalam melakukan kesalahan mengedarkan dadah tersebut di bawah s. 34 KK. (perenggan 38, 40, 44, 45 & 46)

B       *English Headnotes*

- C       Both the respondents were charged in the High Court for trafficking in dangerous drugs, *to wit*, 1,689.20g of methamphetamine, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. SP6 and his team had carried out a surveillance on Jalan Imbi upon receiving information regarding drug related activities involving a certain taxi. SP6 observed the said taxi being driven by the first respondent while the second respondent was seen sitting in the backseat. SP6 blocked the said taxi and instructed the first and second respondents to alight. SP6 read out s. 37A(1)(b) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') and inquired whether they were keeping offensive items. Both respondents remained silent. SP6 continued to examine the taxi and found two transparent packages containing white lumps of crystal powder suspected to be methamphetamine on the floor of the left passenger seat in the back. Both the respondents were subsequently arrested and the items were seized and sent to the chemist who confirmed that the substances in the two said packets were methamphetamine. At the end of the prosecution's case, the trial judge found that the prosecution failed to prove a *prima facie* case against the two respondents on the following grounds that (i) the respondents did not have control or possession of the said drugs because the said taxi was a public transport and the items were found at the leg space in the backseat of the taxi boarded by many passengers; (ii) the presumption under s. 37(d) of the DDA 1952 was not applicable because public taxis could not be regarded as 'anything whatsoever containing'; (iii) the respondents did not have possession and knowledge of the said drugs; (iv) the conduct of the respondents was neutral; and (v) there was no proof of common intention between the respondents under s. 34 of the Penal Code ('PC') as alleged. Thus, the respondents were acquitted and discharged. Dissatisfied, the prosecution filed an appeal to this court by submitting these grounds (i) the appellant had proven that the two respondents had possession and knowledge of the drugs found in the said taxi; and (ii) the appellant had proven the existence of a common intention between the respondents in trafficking in the said drugs as defined under s. 34 PC.

H       **Held (dismissing appeal)**

**Per Ahmadi Asnawi JCA delivering the judgment of the court:**

- I       (1) During cross-examination, SP6 did not monitor, did not have the knowledge and did not do a follow up as to the area the taxi was coming from. SP6 also did not know who went in and out of the said taxi. SP6 admitted that he was unaware as to when the second respondent got into the said taxi and did not investigate the other passengers that had taken

- the taxi beforehand. Evidence also showed that the said taxi was not in the possession, control or custody of the second respondent but was owned by SP5, the first respondent's father. Thus, the second respondent did not have exclusive possession of the said taxi. There was no evidence that showed the two respondents had control or custody of the said drugs. Further, the information received by SP6 regarding the trafficking of the drugs was general in nature and the fingerprint detection test had come out negative. There was no nexus between the first and second respondents other than the fact that only the two of them had been in the said taxi when it was detained by SP6 and his team. A B
- (2) The law is trite that if there are a few inferences that can be deduced from the facts proven, then the inference that favoured the respondents should be prioritised and taken into consideration, and the respondents should accordingly be given the benefit of the doubt from the said inference. The evidence adduced by the prosecution brought the inference that anyone who had travelled the said taxi could have placed the said items at the place where it was found by SP6. The respondents had the right to enjoy this inference. C D
- (3) The conduct of the respondents in appearing surprised, scared and nervous before opening the door of the said taxi was a natural behaviour because they had been screamed at by a group of plain-clothes men. This was because the taxi driven by the first respondent had been raided and blocked by other cars in the front and the back. The surrounding circumstances could cause anyone to be in a state of confusion. The reaction and behaviour of the respondents was not consistent with the reaction and conduct of one who had committed an offence. The fact that the respondents did not have knowledge could be deduced from the behaviour of the respondents in not saying anything or showing anything, especially the drugs, when SP6 questioned the both of them as to whether they were carrying 'offensive items'. E F
- (4) The prosecution failed to prove that the respondents had possession or custody of the said drugs. Further, there was no direct evidence to show that the respondents had knowledge of the said drugs found. The only evidence available was that the said drugs had been in the taxi boarded by the second respondent and driven by the first respondent. This evidence did not allow the prosecution to apply the presumption under s. 37(d) of the DDA 1952 to associate them with possession and knowledge of the said drugs because the public taxi was not of a 'anything containing whatsoever' nature as required by the said section. G H
- (5) No evidence was adduced by the prosecution that the respondents had common intention of trafficking in the said drugs other than the fact that they had been caught together in the said taxi. No evidence was adduced to show they had a relationship with one another or had communications between them before they were caught or at any time to be made a basis I

- A or platform where common intention could be established or had been established. There was no evidence to connect the first or second respondent or both the respondents to the two transparent packages containing the said drugs such as fingerprints, DNA or deposits from the said drugs on the fingers, nails or clothes worn by the respondents. What
- B had been proven by the prosecution was the close proximity of the said drugs with the respondents. This sole evidence was not sufficient to prove common intention of the respondents in committing the offence of trafficking in drugs under s. 34 of the PC.

**Kes-kes yang dirujuk:**

- C *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP [2011] 4 CLJ 113 FC (dirujuk)*  
*Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC (dirujuk)*  
*PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC (dirujuk)*  
*Syed Ali Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] CLJ 188A; [1982] CLJ (Rep) 340 FC (dirujuk)*

**D Perundangan yang dirujuk:**

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 37A(1)(b)  
 Penal Code, s. 34

*Bagi pihak responden pertama - Shamsul Sulaiman; T/n Shamsul Sulaiman*

*Bagi pihak responden kedua - Amirul Ridzuan; T/n Hanif & Co*

- E *Bagi pihak perayu - Tengku Amir Zaki; TPR*

*[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45A-09-03-2013 (menolak)]*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

F

**PENGHAKIMAN**

**Ahmadi Asnawi HMR:**

**[1]** Kedua-dua responden telah dipertuduh di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan tuduhan berikut:

- G Bahawa kamu bersama-sama pada 6.12.2011, jam lebih kurang 12.30 tengah hari, di tepi Jalan Imbi, berhadapan Bangunan Berjaya Times Square, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dalam meneruskan niat telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 1689.20 gram, dan dengan itu kamu telah
- H melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama serta dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan.

**[2]** Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak Pendakwa Raya telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua responden. Kedua-dua responden telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

I



[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Setelah mendengar segala hujahan yang diunjurkan oleh kedua-dua pihak dan meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan ('RR') yang difailkan, kami telah menolak rayuan perayu. Sekarang kami perturunkan alasan-alasan kami.

A

#### Kes Pendakwaan

B

[4] Pada 6 Disember 2011, kira-kira jam 12.30 tengah hari, SP6 (Insp Roslan bin Tambi) bersama-sama anggotanya telah bergegas ke Jalan Imbi berhadapan dengan Bangunan Berjaya Times Square untuk membuat pemantauan setelah menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah yang melibatkan motor teksi dengan nombor pendaftaran HB 3633.

C

[5] Setibanya di lokasi tersebut, SP6 telah melihat teksi HB 3633, berwarna oren, sedang dipandu oleh responden pertama manakala responden kedua pula duduk di tempat duduk belakang. SP6 kemudian menahan teksi tersebut dengan menghimpitnya dengan kereta polis Waja di bahagian depan dan kereta polis Pajero di bahagian belakang.

D

[6] SP6 kemudiannya telah mengetuk cermin bahagian pemandu beberapa kali dan menunjukkan kad kuasa sambil mengarahkan pemandu teksi (responden pertama) keluar dari teksi tersebut. Selepas itu SP6 pergi ke pintu bahagian penumpang belakang dan mengarahkan responden kedua keluar daripada teksi tersebut. Kedua-dua responden enggan membuka pintu dan kelihatan dalam keadaan terkejut, takut dan gelisah.

E

[7] Selepas kedua-dua responden keluar daripada teksi, SP6 telah membacakan kata-kata amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952'), dan bertanya sama ada mereka ada menyimpan barang salah. Kedua-dua responden tidak menjawab apa-apa dan hanya mendumkan diri.

F

[8] Seterusnya SP6 telah membuat pemeriksaan dalam teksi dan menjumpai satu paket plastik lut sinar mengandungi serbuk ketulan kristal berwarna putih disyaki methamphetamine, yang terletak di atas beg plastik warna biru oren bertulisan 'SOX WORLD' di atas lantai tempat kaki penumpang bahagian belakang sebelah kiri. Setelah diperiksa, terdapat satu lagi paket plastik lut sinar yang serupa yang mengandungi bahan yang sama di dalam beg plastik berwarna biru oren tersebut.

G

[9] SP6 juga telah menjumpai sepasang plat kereta dengan nombor HWD 2845 di tempat kaki penumpang hadapan sebelah pemandu.

H

[10] Selepas itu SP6 dan anggota-anggotanya telah menangkap kedua-dua responden dan merampas barang-barang kes dan dibawa ke IPK Kuala Lumpur. Selesai membuat penandaan dan dokumentasi, SP6 kemudiannya telah menyerahkan kedua-dua responden dan barang-barang kes kepada pegawai penyiasat, SP9 (Insp Nor Rafida binti Mustapah), berserta Borang Bongkar (exh. P20) dan Borang Serah Menyerah (exh. P-21).

I

- A [11] SP9 telah menghantar kedua-dua paket tersebut (exh. P1, P12, P2 dan P14) kepada ahli kimia, SP3 (Puan Suhana binti Ismail) untuk dianalisis. SP3 mendapati kandungan kedua-dua paket tersebut adalah dadah jenis methamphetamine seberat 1,689.2g (selepas ini disebut sebagai 'dadah tersebut'). SP3 juga menyatakan methamphetamine adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB 1952. Laporan beliau adalah exh. P11, seperti terdapat di ms. 15, Jilid 2, RR.

- C [12] Siasatan lanjut menunjukkan bahawa nombor plat HB 3633 yang dipasang pada teksi tersebut adalah nombor plat palsu. Nombor sebenar adalah seperti yang terdapat pada sepasang nombor plat kereta yang dijumpai di dalam kereta tersebut, iaitu HWD 2845. Teksi ini dimiliki oleh SP5 (Haji Mosbah bin Kassim), bapa responden pertama, yang pada ketika itu sedang menunaikan fardhu haji. Nombor plat HB 3633 pula adalah nombor pendaftaran sebenar teksi kepunyaan SP8 (En Yau Fook Hung), yang tidak mempunyai sebarang kaitan dalam kes ini.

D **Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan**

[13] Hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan wujudnya satu kes *prima facie* ke atas kedua-dua responden atas alasan:

- E (i) responden-responden tidak mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah tersebut kerana teksi tersebut adalah kenderaan awam dan barang kes dijumpai di tempat letak kaki belakang di mana dinaiki oleh ramai penumpang;
- F (ii) anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952, tidak terpakai kerana teksi awam tidak boleh dianggap sebagai 'anything whatsoever containing';
- (iii) responden-responden juga tidak ada milikan dan pengetahuan mengenai dadah tersebut;
- (iv) kelakuan responden-responden adalah neutral; dan
- G (v) tiada bukti niat bersama di antara mereka berdua di bawah s. 34 Kanun Keseksaan ('KK') seperti dipertuduhkan.

**Rayuan Di Hadapan Kami**

[14] Pihak perayu telah mengunjurkan dua alasan rayuan:

- H (i) bahawa perayu telah membuktikan kedua-dua responden mempunyai pemilikan dan pengetahuan yang sewajarnya berkenaan dengan dadah yang dijumpai dari dalam teksi tersebut; dan
- I (ii) perayu telah membuktikan wujudnya niat bersama (common intention) di antara kedua-dua responden untuk mengedarkan dadah tersebut sebagaimana didefinisikan di bawah s. 34 KK.



**Keputusan Kami**

A

*Alasan Pertama*

[15] Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') yang bijaksana menghujahkan ketika ditahan, responden pertama sedang memandu teksi tersebut dan responden kedua adalah penumpang yang duduk di tempat duduk bahagian belakang. Tidak ada orang lain berada dalam teksi tersebut. Satu paket plastik lut sinar yang mengandungi dadah tersebut dijumpai di tempat letak kaki penumpang sebelah kiri belakang, terletak di atas beg plastik 'SOX WORLD' dan satu lagi paket plastik lut sinar yang sama dijumpai di dalam beg plastik tersebut. Keberhampiran (proximity) dadah tersebut dengan kedua-dua responden menunjukkan kedua-dua mereka mempunyai kawalan serta jagaan ke atas barang-barang kes tersebut.

B

C

[16] Kedua-dua responden enggan keluar daripada teksi berkenaan apabila diarahkan oleh SP6. Kedua-dua responden juga kelihatan takut, gelisah dan terkejut apabila diserbu oleh pasukan SP6 dan apabila ditanya oleh SP6 sama ada menyimpan apa-apa barang salah, kedua-dua responden telah mendiamkan diri dan tidak menjawab. TPR yang bijaksana menghujah bahawa tingkah laku (conduct) tersebut menunjukkan kedua-dua responden mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah dalam teksi tersebut.

D

[17] Berdasarkan fakta-fakta di atas, TPR yang bijaksana seterusnya menyatakan bahawa pihak perayu telah membuktikan bahawa kedua-dua responden mempunyai kawalan, jagaan dan juga pengetahuan tentang dadah tersebut. Dengan itu elemen pemilikan ke atas dadah tersebut telah dibuktikan sepenuhnya oleh perayu.

E

[18] Kami mendapati hujahan TPR yang bijaksana tidak mempunyai asas untuk mengaitkan kedua-dua responden dengan pemilikan dadah tersebut.

F

[19] Keterangan menunjukkan teksi tersebut bukan di dalam milikan, kawalan atau jagaan responden kedua, tetapi milik SP5, bapa kepada responden pertama. Dengan itu responden kedua tidak mempunyai pemilikan eksklusif ke atas teksi tersebut.

G

[20] Semasa disoal balas, SP6 menyatakan beliau hanya membuat pemantauan di tempat bertanda 'X' dalam rajah kasar exh. D22. Beliau juga bersetuju tidak memantau serta tidak mempunyai pengetahuan dan tidak membuat 'follow-up' dari mana sebenarnya teksi itu datang. SP6 juga tidak tahu siapa yang telah keluar atau masuk ke dalam teksi tersebut serta berapa ramai orang sebenarnya telah keluar masuk ke dalam teksi tersebut. SP6 juga tidak tahu sama ada teksi tersebut ada menurunkan penumpang atau mengambil penumpang di hotel yang terletak berhadapan dengan Berjaya Times Square.

H

[21] SP6 mengakui tidak tahu/nampak daripada mana responden kedua menaiki teksi dan tidak menyiasat tentang kehadiran penumpang-penumpang lain sebelum responden kedua menaiki teksi tersebut. SP6 turut mengakui

I

- A tidak menyemak meter teksi daripada mana responden pertama datang sehinggalah diserbu oleh pihak polis. SP6, SP7 dan SP9 tidak dapat memastikan sama ada dua orang warga Iran telah turun daripada teksi tersebut sebelum responden kedua menaiki teksi tersebut di hentian teksi berhampiran Hotel Melia seperti dicadangkan oleh pihak pembelaan.
- B [22] Keterangan juga menunjukkan ujian penimbunan cap jari adalah negatif terhadap kedua-dua responden pada kedua-dua paket lut sinar dan beg plastik warna biru oren.
- C [23] Pada hemat kami, tidak ada apa-apa keterangan yang dapat menunjukkan kedua-dua responden mempunyai kawalan atau jagaan ke atas dadah tersebut. Tambahan pula maklumat berkenaan pengedaran dadah yang diterima oleh SP6 bersifat umum dan ujian pengesanan cap jari adalah negatif. Tidak ada nexus di antara responden pertama dan responden kedua selain fakta hanya mereka berdua sahaja yang berada dalam teksi tersebut semasa ditahan oleh SP6 dan anggota-anggotanya. Keterangan yang wujud
- D adalah sama seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 113:
- E [14] The mere fact that second accused was found in the vehicle and that he was previously summoned for driving the vehicle for somewhat approximately six months prior to the date of arrest are insufficient for the court to make an inference that he had exclusive custody and control over the vehicle. Even if the learned trial judge was correct in deciding that both accused were in custody or control of the vehicle when they were stopped by the police party, this could not be translated into having custody or control over the said drugs in the absence of the incriminating evidence against them. It could not have given rise to the inference that
- F the said drugs belonged to them.
- G [24] Seterusnya kami, berpendapat seseorang itu tidak akan membawa dadah dalam keadaan begitu terbuka iaitu dadah tersebut dibawa dalam beg plastik yang terburai di mana satu paket terletak di atas beg plastik dan satu paket lagi berada dalam beg plastik tersebut.
- H [25] Hakim bicara yang bijaksana mendapati tingkah laku/kelakuan kedua-dua responden yang kelihatan terkejut, takut dan gelisah sebelum membuka pintu adalah sesuatu yang 'natural' kerana mereka ditengking oleh beberapa orang lelaki berpakaian preman. Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana. Ini kerana teksi yang dipandu oleh responden pertama telah diserbu dengan pantas dan dihipit dengan kereta di bahagian hadapan dan belakang. SP6 juga mengakui keadaan di tempat kejadian hingar-bingar dan sibuk. Keadaan sekeliling (circumstances) seperti ini semasa teksi responden pertama diserbu akan membuatkan sesiapa pun menjadi takut,
- I terkejut, bingung dan akan mengambil masa untuk memahami apa yang sedang berlaku. Keadaan sekeliling ini juga akan mendorong sesiapa pun mengambil masa untuk keluar daripada teksi tersebut seperti keterangan SP6, walaupun SP6 telah mengenalkan dirinya sebagai polis.

[26] Undang-undang adalah mantap bahawa jika terdapat beberapa inferens yang boleh disimpulkan daripada fakta-fakta yang telah dibuktikan, maka inferens yang memihak kepada responden-responden hendaklah diutamakan dan diambil kira, dan responden-responden sewajarnya diberikan faedah keraguan (*benefit of doubt*) daripada inferens tersebut – lihat *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457. Pada hemat kami, dalam hal ehwal keadaan keseluruhan kes ini, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membawa inferens bahawa sesiapa sahaja yang menaiki teksi tersebut boleh meletakkan barang kes dadah tersebut di tempat di mana barang kes tersebut dijumpai oleh SP6. Responden-responden adalah berhak untuk menikmati inferens ini.

A

B

C

[27] Dengan demikian kami, mendapati hakim bicara yang bijaksana tidak khilaf apabila beliau mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa kedua-dua responden mempunyai kawalan atau jagaan ke atas barang kes dadah tersebut.

[28] Seterusnya pada hemat kami, tidak ada keterangan langsung (*direct evidence*) untuk menunjukkan bahawa kedua-dua responden mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dijumpai tersebut. Maka pihak pendakwaan perlulah bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sekeliling yang telah dibuktikan untuk membentuk inferens bahawa kedua-dua mereka mempunyai pengetahuan yang sewajarnya.

D

E

[29] Keberhampiran kedua-dua responden dengan dadah tersebut semata-mata tanpa keterangan lain tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa kedua-dua mereka mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut. Maka keterangan yang relevan untuk menilai kepengetahuan mereka adalah reaksi atau tingkah laku (*conduct*) kedua-dua responden.

F

[30] Keterangan menunjukkan selepas SP6 membacakan kata-kata amaran di bawah s. 37A(1)(b) ADB 1952, dan bertanya tentang 'barang salah', kedua-dua responden hanya berdiam diri tanpa menunjukkan sebarang reaksi dan tidak berkata apa-apa.

G

[31] SP6 juga bersetuju responden kedua tidak cuba melarikan diri, memberi kerjasama yang baik, hanya berdiam diri, tidak cuba membuang sesuatu keluar daripada teksi dan tidak cuba mengalih sesuatu daripada teksi.

[32] SP9 juga bersetuju bahawa kedua-dua responden tidak melawan dan tidak melarikan diri semasa ditangkap polis. Juga tidak ada keterangan bahawa responden pertama cuba untuk melarikan teksi yang dibawanya atau merempuh kereta-kereta polis yang menghimpit teksinya.

H

[33] Pada hemat kami, sebelum ditahan setelah teksi dihimpit dan semasa ditahan setelah kedua-dua responden keluar daripada teksi, reaksi dan tindakan/kelakuan kedua-dua responden tidak konsisten dengan reaksi dan perlakuan seseorang yang telah melakukan kesalahan. Ketiadaan

I

A pengetahuan kedua-dua responden dapat disimpulkan dari fakta bahawa kedua-dua mereka tidak berkata apa-apa atau menunjukkan kepada sesuatu, khususnya dadah tersebut, ketika SP6 menyoal kedua-dua mereka sama ada mereka membawa 'barang salah'.

B [34] Keterangan adalah jelas bahawa kedua-dua responden tidak mempunyai sebarang pengetahuan terhadap dadah tersebut oleh kerana mereka tidak menggambarkan sebarang tingkah laku yang mencurigakan. Sebaliknya mereka telah bekerjasama dengan polis. Keterangan yang ada hanyalah dadah tersebut berada dalam teksi yang dinaiki oleh responden kedua yang dipandu oleh responden pertama. Keterangan ini tidak  
C membolehkan pihak pendakwaan menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952, untuk mengaitkan (fastened) mereka dengan pemilikan dan pengetahuan ke atas dadah tersebut kerana teksi awam bukanlah bersifat 'anything containing whatsoever' seperti kehendak seksyen tersebut – *Syed Ali Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188A; [1982] CLJ (Rep) 340; [1982] 1 MLJ 132 dan *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170; [1998] 2 MLJ 273.  
D

[35] Dari perincian-perincian di atas, hakim bicara yang bijaksana tidak khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen pengetahuan tentang dadah tersebut di pihak kedua-dua responden.  
E

*Alasan Kedua*

[36] TPR yang bijaksana berhujah adalah jelas bahawa pembuktian 'joint possession' dan niat bersama dapat dilihat melalui keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh SP6 dan SP7.  
F

[37] Seterusnya diujahkan bahawa keterangan-keterangan yang ada adalah mencukupi untuk membuktikan niat bersama kedua-dua responden ketika ditahan bersama-sama di dalam teksi HB 3633. Perkaitan antara kedua-dua responden dengan dadah tersebut yang dijumpai di tempat letak kaki penumpang belakang sebelah kiri tidak disanggah. Lebih-lebih lagi keadaan bungkusan tersebut tidak tersorok dan tidak tertutup serta boleh dilihat dengan jelas dan nyata.  
G

[38] Walau bagaimanapun kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang bijaksana yang mengatakan tiada bukti dikemukakan oleh pihak pendakwaan bahawa kedua-dua responden mempunyai niat bersama untuk mengedarkan dadah tersebut selain daripada mereka ditangkap bersama-sama dalam teksi yang sama.  
H

[39] Tidak ada keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan yang menunjukkan bahawa kedua-dua responden sememangnya telah berjumpa sebelum serbuan dilakukan.  
I

- [40] Tidak ada keterangan yang menunjukkan mereka ada hubungan antara satu sama lain atau telah berhubungan antara satu sama lain sebelum ditangkap atau pada bila-bila masa untuk dijadikan asas atau landasan di atas mana niat bersama boleh dibentuk atau telah terbentuk. A
- [41] Tidak ada saksi yang dipanggil atau yang memberi keterangan untuk membuktikan apakah yang berlaku di antara kedua-dua responden dan teksi tersebut daripada masa ia memulakan perjalanannya. Juga tidak ada keterangan daripada mana responden kedua telah menaiki teksi tersebut sebelum teksi tersebut ditahan oleh SP6. B
- [42] Semasa disoal balas, SP6 menyatakan beliau tidak mengetahui kaitan antara responden pertama dan responden kedua sebelum atau semasa serbuan dibuat. C
- [43] SP2 juga menyatakan beliau tidak bertanya kepada responden kedua bagaimana responden kedua boleh berada/menaiki teksi tersebut sebelum teksi ditahan. D
- [44] Tidak ada apa-apa keterangan yang mengaitkan responden pertama atau responden kedua atau kedua-dua responden kepada kedua-dua paket lut sinar yang mengandungi dadah tersebut atau beg plastik warna biru oren tersebut seperti cap jari, DNA atau tinggalan (residue) dadah yang sama pada jari, kuku atau pakaian yang mereka pakai. E
- [45] Pada hemat kami, apa yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan hanyalah keberhampiran dadah tersebut dengan kedua-dua responden. Keterangan ini semata-mata tidak mencukupi untuk membuktikan niat bersama kedua-dua responden dalam melakukan kesalahan mengedarkan dadah tersebut. F
- [46] Berdasarkan kepada hal ehwal keadaan keseluruhan kes dan keterangan-keterangan yang dikemukakan, sekali lagi kami mendapati hakim bicara yang bijaksana tidak khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan niat bersama kedua-dua responden untuk melakukan kesalahan tersebut di bawah s. 34 KK. G
- Kesimpulan**
- [47] Kami mendapati rayuan perayu tidak mempunyai sebarang merit. Dengan demikian rayuan ini ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan kedua-dua responden dikekalkan. H